



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9/12/2018

Tun Mahathir 'ronda-ronda' sekitar KL m/s:7

BH - 9/12/2018

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad petang semalam memandu di sekitar ibu negara sebaik sahaja selesai perhimpunan 'kesyukuran' kerana kerajaan tidak meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

Menerusi Twitter, penulis blog Firdaus Abdullah berkongsi video Dr Mahathir memandu sebuah SUV Proton X70 sekitar Kuala Lumpur. Yang turut kedengaran adalah siren daripada polis yang mengiringinya.

"Perdana Menteri memandu di pusat Bandaraya Kuala Lumpur untuk melihat sendiri keadaan di ibu kota selepas perhimpunan anti-ICERD," katanya sebagai keterangan kepada video yang disertakannya.

Rakaman berdurasi seminit itu menunjukkan Dr Mahathir berada di sekitar Jalan Sultan Ismail berhampiran Bukit Bintang, tidak jauh dengan lokasi himpunan iaitu kawasan sekitar Dataran Merdeka.

Setakat jam 8.45 malam tadi, video berdurasi seminit itu sudah ditonton lebih 25,000 pengguna, disukai 1,036 dan mendapat sebanyak 744 retweet.

Menurut sumber daripada Pejabat Perdana Menteri, beliau memandu dari rumahnya untuk meronda-ronda 'sekitar Kuala Lumpur' selepas himpunan.

Doa perhimpunan lancar

Kelmarin, beliau mendoakan agar himpunan itu yang dianjurkan sejumlah NGO dan disokong UMNO dan PAS, berjalan dengan lancar.

"Saya doakan agar perhimpunan itu berjalan lancar tanpa gangguan, marilah kita bersama-sama meraikan demokrasi di Malaysia," katanya.

Tindakan Mahathir turut mendapat pelbagai reaksi pelayar Twitter antaranya Tan Hock Chai yang meninggalkan komen ucapan tahniah. "Pemimpin yang rajin dan tegas. Terbaik Tun M," katanya.

Sementara itu, beberapa pelayar turut berkongsi video Mahathir memandu Proton SUV berwarna merah.